

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 23 Mac 2016 15:45
To: UUM - All Staff
Subject: PENDEKATAN "QUADRUPLER HELIX" YANG DIGUNAPAKAI DALAM PROGRAM PPMI
ANJURAN NCRC MELAKAR KEJAYAAN STPM 2015 DAERAH LANGKAWI



**Pusat Penyelidikan
Koridor Utara**

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

RABU, 23 MAC 2016 | 14 JAMADILAKHIR 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**PENDEKATAN "QUADRUPLER HELIX" YANG DIGUNAPAKAI DALAM PROGRAM PPMI ANJURAN
NCRC MELAKAR KEJAYAAN STPM 2015 DAERAH LANGKAWI**



NCRC ONLINE: Modul Program Pemantapan Modal Insan Remaja (PPMI) menggunakan pendekatan *Quadruple Helix* (Universiti – Komuniti - Kerajaan – Industri) telah dibangunkan oleh pihak Northern Corridor Research Centre (NCRC) bagi daerah perintis iaitu di Langkawi menghasilkan impak yang tinggi kepada kejayaan dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2015 apabila diumumkan sebagai daerah terbaik di negeri Kedah dengan pencapaian seratus peratus lulus.

Modul ini diaplikasikan selaras dengan peranan NCRC sebagai *University Community Transformation Centre* (UCTC) dan program yang dijalankan adalah dibawah perancangan 3 Kolej 3 Daerah (3K3D). Pembangunan modul ini merupakan kerjasama antara NCRC dengan Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA), Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), dan Pusat Khidmat Masyarakat Kuah, Langkawi yang melibatkan seratus orang

pelajar tingkatan enam daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra. Modul PPMI mengandungi empat fasa secara keseluruhan bermula daripada pengenalan sehingga penilaian bermula dari April 2015 hingga Mac 2016.

Program dibawah PPMI bermula dengan Kem Motivasi yang di jalankan di Kem Sintok kemudian diikuti dengan program mentor-mentee yang melibatkan pelajar UUM sendiri sebagai mentor diikuti program "*Focus Discussion Group (FGD)*" bersama guru dan ibu bapa pelajar. Pada 15 Mac 2016, NCRC telah ke Langkawi bersama Yang Berhormat Nor Saidi Nanyan (Adun Kuah) bagi meraikan kejayaan pelajar terlibat di Wisma UMNO, Langkawi. Turut serta ialah pegawai daripada LADA, KEDA dan Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri.

Tujuan NCRC ke Langkawi adalah untuk melengkapkan fasa terakhir PPMI iaitu memberi penerangan yang lebih jelas berkenaan tatacara untuk mengisi borang kemasukan ke universiti secara *online* dengan kerjasama pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik, UUM.

Menurut Yang Berhormat Nor Saidi Nanyan, "*Program PPMI ini telah membantu pelajar-pelajar STPM ini dari segi memberi motivasi kepada mereka untuk mencapai kejayaan dan merealisasikan impian mereka untuk masuk ke universiti. Saya juga amat berbangga dengan kejayaan pelajar-pelajar ini kerana mereka berjaya membawa nama Langkawi sebagai daerah nombor satu di negeri Kedah mencapai seratus peratus lulus*".

"*Usaha, motivasi dan bantuan dari segi mental dan fizikal semasa saya menyertai program ini telah memberi titik perubahan serta semangat kepada saya untuk berjaya. Secara keseluruhan, program yang dianjurkan oleh pihak NCRC banyak memberi manfaat kepada saya dalam mencapai impian untuk masuk ke universiti*" kata Asyhadah Adhwa Amran pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri yang merupakan pelajar terbaik di sekolah berkenaan dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.92.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan seterusnya program yang menggunakan modul ini akan dilanjutkan lagi ke daerah lain dengan kerjasama daripada pihak KEDA dan LADA serta agensi lain.

Habis

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

06010 UUM SINTOK

KEDAH DARUL AMAN

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my

FACEBOOK : Northern Corridor Research Centre –NCRC UUM (Official Facebook)



***Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).***

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.